

Jumaat, Apr 20 2018

Pelepasan GST projek ECRL elak beban hutang

UTUSAN 20/4

PUTRAJAYA 19 April - Pelepasan cukai barang dan perkhidmatan (GST) bagi perolehan barang dan perkhidmatan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) tidak seharusnya diputarbelitkan kerana pengecualian cukai untuk projek mega milik kerajaan telah diberikan sejak tahun 1980-an lagi.

Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Datuk Seri T. Subromaniam berkata, pelepasan cukai kepada projek ECRL diberikan selepas mengambil kira faktor projek itu dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan Malaysia melalui syarikat pelaburan kerajaan iaitu Malaysia Rail Sdn. Bhd.

Beliau berkata, pelepasan GST kepada kontraktor utama iaitu China Communications Construction Company (CCCC) juga tidak menyebabkan kerajaan hilang pendapatan seperti dakwaan pihak tertentu malah dapat mengelakkan kerajaan mengeluarkan perbelanjaan bertindih.

yang lebih.

“Langkah ini dapat mengurangkan kos dalam melaksanakan projek yang berkepentingan awam dan berorientasikan kemudahan awam. Syarikat itu juga tidak dibenarkan untuk membuat sebarang tuntutan pulangan balik,” katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Menurut Subromaniam, berdasarkan penjelasan itu, pihaknya memberi sokongan bagi mempertimbangkan pelepasan oleh Menteri Kewangan di bawah Seksyen 56(3) (a) Akta GST 2014 kepada syarikat kontraktor CCCC.

“Pengecualian ini bagi memastikan projek strategik ECRL dapat dilaksanakan

dengan jayanya serta memberi manfaat yang besar kepada rakyat. Jika pelepasan tidak diberikan, kerajaan terpaksa menanggung kos GST ke atas perolehan dan perlu menambah pinjaman untuk menampung kos GST,” katanya.

Selain itu, katanya, kera-



T. SUBROMANIAM

Pelepasan kepada syarikat kontraktor itu dibuat selepas mengambil kira faktor faedah pinjaman yang ditawarkan adalah lebih baik daripada faktor kos GST dan langkah ini juga dapat mengelakkan Malaysia menanggung bebanan hutang

jaan juga pernah memberikan pengecualian seperti ini dalam era cukai jualan dan perkhidmatan (SST) kepada beberapa projek besar sejak tahun 1980-an ketika di bawah pentadbiran bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.